

SULIT

	SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD. JABATAN PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN Blok 4, Kompleks SIRIM, No.1, Persiaran Dato' Menteri, Seksyen 2, 40700 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	No Fail : QM / 6 – 262 (QU00510001)																				
	SISTEM PENGURUSAN KUALITI LAPORAN AUDIT PEMANTAUAN																					
ORGANISASI : Universiti Putra Malaysia																						
ALAMAT LOKASI UTAMA YANG DIAUDIT (Untuk pensijilan berkelompok, senarai lokasi tambahan adalah seperti dilampirkan): 43400 Serdang Selangor Darul Ehsan																						
NOMBOR PENSIJILAN : AR 2020		STANDARD : ISO 9001: 2008																				
TARIKH AUDIT : 13 hingga 17 Mei 2013 / 35 Hari auditor		TARIKH AUDIT YANG LEPAS : 12,13,14,15,19,20,21& 22 Jun 2012																				
SKOP PENSIJILAN : Perkhidmatan Pengajian Pendidikan Di Peringkat Tertiri, Pengurusan Dan Pelaksanaan Penyelidikan, Perhubungan Industri Dan Masyarakat, Pengurusan Pembangunan Pelajar Dan Alumni, Dan Perkhidmatan Korporat																						
PASUKAN AUDIT :	<table border="0"> <tr> <td>1) Hanida Ghazali</td> <td>Ketua pasukan audit</td> </tr> <tr> <td>2) Teh Seok Im</td> <td>Ahli pasukan audit</td> </tr> <tr> <td>3) Suri Yati Amran</td> <td>Ahli pasukan audit</td> </tr> <tr> <td>4) Mohd Shazwan Ariff Mohamad Kashim</td> <td>Ahli pasukan audit</td> </tr> <tr> <td>5) Nor Hasifah Abdul (hari 1,2,4 & 5)</td> <td>Ahli pasukan audit</td> </tr> <tr> <td>6) Mohd Jaafar Jani (hari 3,4 & 5)</td> <td>Ahli pasukan audit</td> </tr> <tr> <td>7) Mohd Farid Mohd Zaid (hari 3, 4 & 5)</td> <td>Ahli pasukan audit</td> </tr> <tr> <td>8) Nur Eliana Abd Razak (hari 1 & 2)</td> <td>Ahli pasukan audit</td> </tr> <tr> <td>9) Wang Hwee Beng (hari 4 & 5)</td> <td>Ahli pasukan audit</td> </tr> <tr> <td>10) Khalid Saleman (hari 1)</td> <td>Ahli pasukan audit</td> </tr> </table>		1) Hanida Ghazali	Ketua pasukan audit	2) Teh Seok Im	Ahli pasukan audit	3) Suri Yati Amran	Ahli pasukan audit	4) Mohd Shazwan Ariff Mohamad Kashim	Ahli pasukan audit	5) Nor Hasifah Abdul (hari 1,2,4 & 5)	Ahli pasukan audit	6) Mohd Jaafar Jani (hari 3,4 & 5)	Ahli pasukan audit	7) Mohd Farid Mohd Zaid (hari 3, 4 & 5)	Ahli pasukan audit	8) Nur Eliana Abd Razak (hari 1 & 2)	Ahli pasukan audit	9) Wang Hwee Beng (hari 4 & 5)	Ahli pasukan audit	10) Khalid Saleman (hari 1)	Ahli pasukan audit
1) Hanida Ghazali	Ketua pasukan audit																					
2) Teh Seok Im	Ahli pasukan audit																					
3) Suri Yati Amran	Ahli pasukan audit																					
4) Mohd Shazwan Ariff Mohamad Kashim	Ahli pasukan audit																					
5) Nor Hasifah Abdul (hari 1,2,4 & 5)	Ahli pasukan audit																					
6) Mohd Jaafar Jani (hari 3,4 & 5)	Ahli pasukan audit																					
7) Mohd Farid Mohd Zaid (hari 3, 4 & 5)	Ahli pasukan audit																					
8) Nur Eliana Abd Razak (hari 1 & 2)	Ahli pasukan audit																					
9) Wang Hwee Beng (hari 4 & 5)	Ahli pasukan audit																					
10) Khalid Saleman (hari 1)	Ahli pasukan audit																					
BILANGAN ANGGOTAKERJA (yang berkaitan dengan skop pensijilan) : 6174																						
Laporan oleh Ketua Pasukan Audit Nama : Hanida Ghazali Tandatangan : _____ Tarikh : 17 Mei 2013		Pengesahan daripada Wakil Pengurusan organisasi DATO' WAN AZMAN BIN WAN OMAR PENDAFTAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA 43400 SERDANG Nama : _____ Tandatangan : _____ Tarikh : 17 Mei 2013																				

Rancangan Audit dan lampiran berikut adalah sebahagian daripada laporan ini : Laporan Ketakakuran (NCR) / Peluang Penambahbaikan (OFI) / Senarai Lokasi Tambahan - Tandakan (✓) yang berkenaan	Laporan disemak oleh : (Juruaudit Kanan/ Ketua) Tarikh
LAPORAN AUDIT PEMANTAUAN	
1. PINDAAN KETARA DALAM SISTEM PENGURUSAN KUALITI ORGANISASI: Perlantikan Naib Canselor yang baru Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Hj Ramlan sejak 1 Januari 2013. Kemasukan Pusat Sumber Dan Pendidikan Kanser (CARE), Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear, Putra Science Park dan Pejabat Penasihat Undang-Undang ke dalam skop SPK.	
2. RUJUKAN MANUAL (termasuk nombor pindaan) : UPM/PGR/MK/001, Isu 02, Pindaan 06 (09.05.2013)	
3. RINGKASAN TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL KE ATAS KETAKAKURAN YANG DIKENALPASTI PADA AUDIT TERDAHULU (Senaraikan perincian laporan ketakakuran dan status di Lampiran 1) Tindakan pembetulan telah diambil.	
4. PENGGUNAAN LOGO PENSIJILAN / AKREDITASI : ☐ Tidak digunakan <input style="border: 1px solid black; padding: 0 5px; margin-top: 5px;"/> Digunakan; diterima ☐ Digunakan; tidak diterima	
5. KOMEN PENEMUAN : 5.1 Kajian semula pengurusan : Mesyuarat kajian semula pengurusan telah diadakan pada 2 Mei 2013. Rangkuman perbincangan adalah dari Jun 2012 sehingga Mac 2013. Litupan agenda adalah komprehensif. Antara agenda yang dibincangkan adalah mengenai pencapaian KPI dan maklumbalas pelanggan. 5.2 Keberkesanan audit dalaman : Audit dalaman telah diadakan pada 25 – 28 Februari dan 4 – 7 Mac 2013 oleh seramai 87 juru audit UPM dan 427 juru audit PTJ. Sebanyak 35 NCR dan 53 OFI direkodkan. UPM telah menganalisa penemuan audit serta membuat perbandingan dengan tahun sebelumnya. Audit telah dijalankan dengan baik serta liputan audit adalah komprehensif. 5.3 Pengendalian aduan pelanggan: Sistem u-respons digunapakai sebagai medium komunikasi antara organisasi dan pelanggan. Aduan yang direkodkan adalah 402 untuk tahun 2012 dan 178 untuk tahun 2013 (sehingga Mei). Tindakan pembetulan ke atas aduan yang direkodkan telah dilaksanakan mengikut proses SPK. 5.4 Peningkatan berterusan: Penggunaan e-ISO bermula 30 November 2012 yang merangkumi Modul Admin, Modul Peneraju Proses dan Modul Staf. UPM berjaya mendapat pensijilan Sistem Pengurusan Maklumat Keselamatan, ISMS 27001:2007 berkuatkuasa pada 4 Januari 2013. 5.5 Perbandingan berguna dengan keputusan audit yang lepas: UPM telah mengambil tindakan terhadap semua teguran yang diberikan.	
6. LAPORAN KETAKAKURAN : Jumlah Ketakakuran Kecil (minor NCR) : 1 Senarai : TSI-01 Jumlah Ketakakuran Besar (major NCR) : 0 Senarai : - Kumpulan Ketakakuran Kecil yang membawa kepada Ketakakuran Besar : -	
7. ISU-ISU YANG TIDAK DAPAT DISELESAIKAN, JIKA DIKENALPASTI : Tiada.	

LAPORAN AUDIT PEMANTAUAN

8. KESIMPULAN PENEMUAN AUDIT – Kematangan sistem dan keberkesanan sistem dalam mencapai objektif yang ditetapkan termasuk keperluan/ kehendak yang dipersetujui dan lain-lain pemerhatian yang positif serta kelemahan :

Secara keseluruhan, SPK telah dilaksanakan dan dipantau dengan baik oleh UPM.

UPM telah banyak menambahbaik proses-proses dalaman UPM seperti organisasi keaja, UPM TOP, GIPP, transformasi sistem pengangkutan dalam kampus, klinik pengembangan PUTRA, Muzium Warisan Melayu dan penambahbaikan di perpustakaan seperti sistem WebAgris, reading list management system sistem EzProxy.

Peranan audit dalaman banyak membantu PTJ untuk memastikan pemahaman, tahap pelaksanaan serta penambahbaikan SPK di UPM ini.

9. PENGESYORAN :

☐

Tiada Laporan Ketakakuran. Disyorkan untuk diteruskan pensijilan *dengan/ tanpa pindaan

☒

Laporan Ketakakuran Kecil. Disyorkan untuk diteruskan pensijilan *dengan/tanpa pindaan setelah Laporan Ketakakuran ditutup dengan memuaskan.

☐

Laporan Ketakakuran Besar. Pengesyoran untuk diteruskan pensijilan *dengan/tanpa pindaan hanya akan dibuat setelah :

☐

Audit di lokasi terhadap keperluan berikut termasuk verifikasi terhadap tindakan pembetulan :

☐

Verifikasi terhadap tindakan pembetulan di luar lokasi audit. Bukti pelaksanaan tindakan pembetulan hendaklah dikemukakan untuk verifikasi.

* Jenis pindaan :
(sekiranya berkaitan)

☐

Penggantungan pensijilan. Audit semula perlu dijalankan sebelum pengesyoran untuk menarik penggantungan yang telah dibuat.

☐

Penarikan balik pensijilan

- Catatan :**
- Pelan tindakan pembetulan untuk kesemua ketakakuran yang dikeluarkan hendaklah dihantar kepada Ketua Pasukan Audit dalam tempoh 1 bulan dan bukti pelaksanaan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh laporan ini. Kegagalan mematuhi kehendak ini boleh menyebabkan pensijilan digantung atau ditarik balik.*
 - Jika terdapat sebarang isu yang tidak dapat diselesaikan pada akhir audit, ia akan dibawa kepada perhatian pengurusan SIRIM QAS Intl untuk resolusi. Pelanggan akan diberitahu secara bertulis keputusan itu dalam tempoh dua minggu dari tarikh laporan ini.*

SUSULAN TERHADAP KETAKAKURAN YANG DIKELUARKAN

Adalah disahkan kesemua tindakan pembetulan yang diambil adalah memuaskan. Disyorkan untuk diteruskan pensijilan.

Ketua Pasukan Audit :

(Nama)

(Tandatangan)

(Tarikh)

LAPORAN AUDIT PEMANTAUAN														
RINGKASAN MENGIKUT FUNGSI/JABATAN/LOKASI/PROSES/TAPAK PROJEK														
No Fail : QM / 6 – 262 (QU00510001)														
ISO 9001 : 2008	Keperluan yang diaudit	FUNGSI/JABATAN/LOKASI/PROSES/ TAPAK PROJEK									LAPO- RAN KETAK- AKURAN			
		Pengurusan & Kualiti	T & L (undergraduate & postgraduate)	Pengurusan & Pelaksanaan Penyelidikan	Perhubungan Industri & masyarakat	Pembangunan Pelajar & Alumni	Perkhidmatan Korporat				Major	Minor		
4. Sistem Pengurusan Kualiti														
4.1	Keperluan Am	/	/	/	/	/	/	/						
4.2	Keperluan Pendokumenan	/	/	/	/	/	/	/						
5. Tanggungjawab Pengurusan														
5.1	Komitmen Pengurusan	/	/	/	/	/	/	/						
5.2	Fokus Kepada Pelanggan	/	/	/	/	/	/	/						
5.3	Dasar Kualiti	/	/	/	/	/	/	/						
5.4	Perancangan	/	/	/	/	/	/	/						
5.5	Tanggungjawab, Kuasa Dan Komunikasi	/	/	/	/	/	/	/						
5.6	Kajian Semula Pengurusan	/	/	/	/	/	/	/						
6. Pengurusan Sumber														
6.1	Penyediaan Sumber	/	/	/	/	/	/	/						
6.2	Sumber Manusia	/	/	/	/	/	/	/						
6.3	Prasarana	/	/	/	/	/	/	/						
6.4	Persekitaran Kerja	/	/	/	/	/	/	/						
7. Penghasilan Produk														
7.1	Perancangan Penghasilan Produk	/	/	/	/	/	/	/						
7.2	Proses Berkaitan Pelanggan	/	/	/	/	/	/	/						
7.3	Reka Bentuk Dan Pembangunan	/	/	/	/									
7.4	Pembelian	/	/	/	/	/	/	/						
7.5	Pengeluaran Dan Penyediaan Perkhidmatan	/	/	0/1	/	/	/	/						
7.6	Kawalan Peralatan Pemantauan Dan Pengukuran	/	/	/	/									
8. Pengukuran, Analisis dan Penambahbaikan														
8.1	Am	/	/	/	/	/	/	/						
8.2	Pemantauan Dan Pengukuran	/	/	/	/	/	/	/						
8.3	Kawalan Produk Tak Akur	/	/	/	/	/	/	/						
8.4	Analisis Data	/	/	/	/	/	/	/						
8.5	Penambahbaikan	/	/	/	/	/	/	/						
Lain-lain keperluan pensijilan														
1.	Penggunaan logo pensijilan	/												
	Ketakaakuran Besar	0	0	0	0	0	0	0					0	1
	Ketakaakuran Kecil	0	0	1	0	0	0	0						

Catatan:

- Tandakan (√) di kotak yang berkenaan untuk keperluan standard yang telah diaudit dan (-) untuk keperluan standard yang tidak diaudit.
- Sekiranya ada ketakaakuran dikeluarkan, gantikan tanda (√) dengan jumlah ketakaakuran (jumlah ketakaakuran besar/ jumlah ketakaakuran kecil)
- Sekiranya keperluan standard tidak berkaitan, sila tandakan "TB" di kotak yang berkenaan.

APENDIK 1 : VERIFIKASI KEATAS LAPORAN KETAKAKURAN YANG DIKELUARKAN PADA AUDIT TERDAHULU**No Fail : QM / 6 – 262 (QU00510001)**

No.	No Rujukan Laporan Ketakakuran	Bukti yang dilihat bagi pelaksanaan tindakan pembedulan	Keberkesanan tindakan pembedulan (Y/T)	Ulasan
1	HG-1		Y	
2	PD-1		Y	
3	PD-2		Y	
4	PD-3		Y	
5	MSA-1		Y	
6	MSA-2		Y	

Nota :

Jika tindakan pembedulan tidak dilaksanakan dengan berkesan, Laporan Ketakakuran baru akan dikeluarkan semula dan rekodkan di ruangan "Ulasan".

Nama Juruaudit: Hanida Ghazali

Tarikh : 17 Mei 2013

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.

No. Fail:QM/ 6-262		LAPORAN KETAKAKURAN (NONCONFORMITY REPORT) Klasifikasi : Kecil/Besar Standard : ISO 9001:2008	No. :TSI-01	
Jenis Audit : ☐ Audit Pensiilan Peringkat 2 ☒ Audit Pemantauan ☐ Audit Pensijilan Semula			Mukasurat 1 drpd 1	
			Tarikh audit: 13-17hb Mei 2013	
Organisasi : UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA				
Bahagian 1 - Butiran Ketakakuran				
Keperluan : 7.5.1 Kawalan pengeluaran dan penyediaan perkhidmatan Organisasi hendaklah merancang dan melaksanakan pengeluaran dan penyediaan perkhidmatan di bawah keadaan terkawal. Keadaan terkawal hendaklah termasuk, jika berkenaan, e) pelaksanaan pemantauan dan pengukuran.				
Terma rujukan Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, Pusat Tanggungjawab				
Penemuan : a) Fakulti Perhutanan: Ketika audit dijalankan, didapati tiada Laporan Kerja Praktik dan Buku Log aktiviti untuk Latihan Industri FHS 3705(Bachelor Sains Perhutanan). Namun, gred pelajar untuk Latihan Industri dalam e-SMP diberi sebagai Memuaskan.				
b) terdapat PTJ yang tidak menghantar atau hanya menghantar sebahagian sahaja laporan secara berkala kepada PPKKP mengikut tempoh waktu yang ditetapkan seperti senarai semak pemeriksaan pengurusan dan keselamatan makmal bengkel SOK/LAB/SS02/PKM (3 bulan sekali) dan SOK/LAB/BRO1/PBK Borang Daftar Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan				
Bukti Penemuan : • FHS 3705 Latihan Industri: Pelajar dengan Nombor Matrik 156602 • Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan, Fakulti Sains, Fakulti Perubatan Veterinar, Fakulti Pertanian				
Juruaudit : <u>TEH SEOK IM</u> ()		Wakil Organisasi : <u>DATO' WAN AZMAN BIN WAN OMAR</u> (<u>PENDATAR</u>) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA 43400 UPM SERDANG		
Bahagian 2 - Keputusan hasil penyiasatan dan pengenalpastian punca				
Wakil Organisasi : _____ ()				
Bahagian 3 – Pembetulan, sekiranya berkenaan dan Pelan Tindakan Pembetulan termasuk tarikh pelaksanaan				
Wakil Organisasi : _____ Diterima oleh : _____ () ()				
Bahagian 4 – Verifikasi (untuk diisi oleh Juruaudit)				
Disemak oleh : _____ ()		Penutupan NCR : ☐ Ya ☐ Tidak Tarikh : _____		

PELUANG PENAMBAHBAIKKAN		
Klausa	Butiran	Komen terhadap tindakan yang telah diambil
7.5.1	Pengeluaran dan penyediaan perkhidmatan Kawalan pengeluaran dan penyediaan perkhidmatan a) adanya maklumat yang memerihalkan ciri-ciri produk itu, Memandangkan Ujian diguna sebagai penilaian berterusan, Ujian dan Penilaian berterusan dalam bentuk lain perlu dimasukkan dalam Rancangan Pelajaran di e-SMP(Fakulti Pertanian SHW 3303 Genetik Haiwan, Fakulti Perhutanan FHP 3111 Ekologi Haiwan, FHP 3101 Dendrologi)	
6.3	Prasarana - Hanya 10 buah mikroskop cahaya di Makmal Agro D di Fakulti Pertanian disimpan dalam almari mikroskop yang dikhaskan. 34 buah Mikroskop perlu juga disimpan dalam almari yang dikhaskan. - Panduan penggunaan "Emergency Shower" di Makmal Agro D di Fakulti Pertanian perlu dipamerkan untuk maksud kecemasan. - Pelan mengosongkan bangunan perlu dipamerkan di makmal. (Fakulti Pertanian). "Server" di Dewan Besar perlu diselenggara dengan teratur dan baik. (iDEC - Pusat Pembangunan Maklumat & Komunikasi).	
6.4	Persekitaran Kerja Memandangkan kursus HRT 3501 Pengenalan Rekabentuk Landskap dalam Bacelor Sains Horticultur telah menjadi kursus wajib, Studio Landskap perlu diperluaskan(Fakulti Pertanian).	
4.2.4	Kawalan Rekod - Senarai markah mengikut tugasan/ujian/akhir untuk kursus SHW 3303 Genetik Haiwan (Fakulti Pertanian) untuk semester kedua sesi 2012/2013 perlu disahkan oleh pensyarah dan Ketua Jabatan. - Tiada kehadiran 71 pelajar untuk kursus FHP 3111 Ekologi Hutan untuk 28/3/13; 4/4/13 dan 11/4/13. - Tiada "Borang Keluar Barang/Peralatan PKKSSAAS UPM" diisi untuk pinjaman alat-alat Gamelan untuk Majlis Perkahwinan pada 3/3/2013. (Pusat Kebudayaan dan Keseniaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah).	

4.2.3	Kawalan dokumen Prosedur Pengurusan dan Pelaksanaan Penyelidikan (Kod Dokumen : UPM/PU/[Y/P001 No Semakan : 05 No. Isu: 02 Tarikh: 17/01/2013) perlu dikemaskini untuk kaedah 7.4 " Hantar permohonan ke RMC melalui PTJ) bagi permohonan penyelidikan di bawah tajuk " Exploring the Effectiveness of Environmental Education Program in influencing secondary school students' Human-Wildlife Relationship". ke MOSTI .	
-------	---	--

Juruodit: _____ Teh Seok Im

Tarikh: 17hb Mei 2013

Rujukan fail : QM 6-262 (QU00510001)

PELUANG PENAMBAHBAIKKAN		
Klausa	Butiran	Komen terhadap tindakan yang telah diambil
8.2.3	Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar Pemantauan dan Pengukuran Proses. Satu kaedah pemantauan telah diwujudkan oleh organisasi bagi proses melengkapkan fail fasilitator dalam Prosedur Pengendalian Pengajaran Kokurikulum Berkredit iaitu Notis Arahkan. Namun begitu, ianya boleh ditambahbaik bagi mendapatkan lebih kerjasama daripada fasilitator bagi melengkapkan fail masing-masing. Cth: fail UPM/HEPA/CEISeD/QKS 2108(1), Borang Penilaian Kemahiran Teknikal Pelajar.	
	Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan Pemantauan dan Pengukuran Produk Organisasi telah mempunyai proses pemantauan dan pengukuran ciri-ciri produk bagi menentusahkan keperluan produk (iaitu Laporan Pengesanan Graduan) telah dicapai. Walaubagaimanapun, bukti rekod keakuran terhadap kriteria penerimaan adalah kurang jelas.	

Juruaudit : Khalid Saleman

Tarikh: 13.5.2013

PELUANG PENAMBAHBAIKKAN		
Klausa	Butiran	Komen terhadap tindakan yang telah diambil
7.5.1	<u>Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (IDEC)</u> Kawalan pengeluaran dan penyediaan perkhidmatan Senarai Utama Aset ICT UPM telah digunakan sebagai proses pemantauan dan daftar projek untuk sistem aplikasi, walaubagaimanapun perekodan secara menyeluruh di dalam senarai tersebut boleh dipertingkatkan selaras dengan status projek (pembangunan ICT) yang sebenar.	
7.2.3 c)	<u>Pejabat Naib Canselor</u> Komunikasi pelanggan Prosedur Pengedaran Maklum Balas Pelanggan telah dibangunkan oleh organisasi dan disokong oleh Sistem u-respons. Sistem u-respons ini dikenalpasti sebagai medium komunikasi yang digunapakai antara organisasi dan pelanggan, namun begitu terdapat beberapa ruang penambahbaikan yang boleh diambil kira seperti di bawah: i) Pelaksanaan antara sistem u-respons dan borang maklum balas perlu diselaraskan, seperti tarikh aduan pada borang dan tarikh daftar dalam sistem. ii) Maklum balas yang dikenalpasti sebagai aduan sah ada direkodkan di ruangan B (Siasatan dan Cadangan Tindakan Pembetulan) pada borang maklum balas, tetapi tidak kelihatan pada sistem u-respons. iii) Kestabilan sistem u-respons perlu dititikberatkan jika sistem ini digunapakai sebagai medium utama untuk pengendalian maklum balas pelanggan secara menyeluruh.	

PELUANG PENAMBAHBAIKAN		
Klausa	Butiran	Komen terhadap tindakan yang telah diambil
8.2.4	Pemantauan terhadap kerja-kerja lanskap samada oleh pihak kontraktor ataupun secara dalaman telah dilakukan dengan baik. Namun demikian bukti semakan terhadap kerja-kerja membaja dan meracun didapati tidak direkodkan dengan jelas.	
7.5.1	Bagi pemantauan untuk kerja pencucian, dijumpai peralatan di tandas yang telah rosak, namun tiada rekod aduan kerosakan dapat dilihat bagi memperbaiki kerosakan tersebut.	
7.1	Jadual penyelenggaraan telah disediakan dan dimajukan kepada pihak pentadbiran kolej. Namun demikian semakan terhadap jadual bagi memastikan ianya memenuhi keperluan kontrak tidak dapat ditunjukkan dengan jelas.	
7.5.1	Kawalan ke atas pekerja-pekerja yang diambil oleh pihak JPSP didapati agak longgar di mana pemantauan yang lebih didapati diperlukan. Semasa audit, dijumpai pekerja-pekerja yang tidak memakai uniform atau menunjukkan pas sementara yang perlu diperolehi dari bahagian keselamatan bagi pengenalanpastian.	
7.5.1	Peraturan-peraturan kolej telah disediakan dengan jelas dan telah diletakkan pada setiap bilik. Namun begitu, pemantauan terhadap pematuan kepada peraturan tersebut didapati tidak direkodkan dengan jelas dan tiada kaedah yang konsisten di nyatakan di dalam dokumentasi SPK	
6.4	Keadaan infrastruktur di pusat kawalan Bahagian Keselamatan didapati mencukupi untuk operasi bahagian, tetapi didapati tidak begitu kondusif untuk persekitaran kerja yang selesa. Contohnya, tandas untuk lelaki dan wanita dikongsi, tempat kerja yang sempit dan lokasinya yang berada di bawah bilik kuliah.	

Juruaudit : Mohd Farid bin Mohd Zaid



Tarikh: 17 Mei 2013

PELUANG PENAMBAHBAIKAN		
Klausa	Butiran	Komen terhadap tindakan yang telah diambil
7.5.1	Ketika ini, kriteria pemilihan pelajar lama untuk kekal menginap di kolej adalah merujuk kepada Merit dengan sokongan MPM dan Felo. Walaubagaimanapun, terdapat kes yang mana pelajar yang mempunyai merit tinggi telah gagal di dalam permohonan manakala yang rendah meritnya telah berjaya. Oleh itu, kriteria dan asas pemilihan pelajar (termasuk demerit) untuk menginap di kolej ini boleh dikaji semula untuk dipertingkatkan.	
8.2.3	Aduan-aduan kerosakan kebiasaannya dibuat oleh pelajar asrama dan diambil tindakan untuk pembaikan. Walaubagaimanapun, pemeriksaan sendiri oleh pungurusan kolej boleh dilaksanakan secara berkala untuk mengesan kerosakan yang tidak dilaporkan dan perlu dibaiki. Contoh: kebocoran air di tandas asrama.	
8.2.3	Pelajar-pelajar di asrama kolej telah dimaklumkan mengenai peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi. Walaubagaimanapun, tiada pemeriksaan secara berjadual dilaksanakan untuk memastikan pematuhan kepada peraturan-peraturan tersebut. Ketika audit, ditemui beberapa pelanggaran peraturan berdasarkan pemeriksaan bilik yang dilakukan seperti kewujudan bekas habuk rokok dan penggunaan periuk nasi elektrik.	
		

Juruodit: Md. Jaafar b. Md. Jani

Tarikh: 1705/2013

PELUANG PENAMBAHBAIKAN		
Klausa	Butiran	Komen terhadap tindakan yang telah diambil
4.2.4	Tempoh penyimpanan rekod serta pelupusan rekod di PTJ boleh dikaji, untuk melihat samada perlukah sesuatu rekod itu disimpan untuk tempoh masa yang panjang dan bentuk rekod itu disimpan (soft copy atau hard copy).	
8.2.3	PPKKP 1. Ruangan Pelan Tindakan Kawalan dan Pencegahan di Borang Aduan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan tidak selalu diisi, walaupun aduan telah diambil tindakan. 2. Ruangan Pelan Tindakan Kawalan dan Pencegahan tersebut boleh dimasukkan catatan mengenai punca sesuatu aduan tersebut terjadi. ITMA Terdapat buku log aktiviti yang: 1. tidak ditandatangani oleh penyelidik, walaupun telah ditandatangani oleh penyelia, 2. menggunakan dakwat tidak kekal.	

Juruaudit : Hanida Ghazali

Tarikh: 17 Mei 2013




PELUANG PENAMBAHBAIKKAN		
Klausa	Butiran	Komen terhadap tindakan yang telah diambil
7.5.1	Kawalan pengeluaran dan penyediaan perkhidmatan Didapati tajuk prosedur dan tajuk proses terperinci kurang tepat dengan kandungan Garis Panduan dan tidak membayangkan dengan tepat aktiviti/proses yang dijalankan oleh penyelidik dan pejabat TNCPI Bukti: 1. Tajuk prosedur adalah "Prosedur Pengurusan dan Pelaksanaan Penyelidikan UPM/PU/PY/P001", tetapi proses yang dirangkumi di dalam prosedur termasuk aktiviti inovasi seperti patent, promosi dan pra pengkomersilan. 2. Tajuk langkah 7.26 di dalam prosedur UPM/PU/PY P001 adalah "Laksana Pengkomersilan", tetapi penerangan langkah 5.8 Pengkomersilan Hasil Penyelidikan (dalam Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan untuk Pejabat TNCPI) dan aktiviti yang dijalankan sebenarnya adalah berkaitan dengan aktiviti pra pengkomersilan. Auditi telah memberitahu bahawa sebenarnya pelaksanaan pengkomersilan dijalankan oleh UPM Holdings Sdn. Bhd. 3. UPMI yang sebut dalam proses terperinci 7.26 di dalam prosedur tidak terdapat di dalam terminologi dan singkatan.	

Juruodit:  Wang Hwee Beng

Tarikh: 17 May 2013

PELUANG PENAMBAHBAIKKAN		
Klausa	Butiran	Komen terhadap tindakan yang telah diambil
7.5.1	Kawalan Penyediaan dan Pengeluaran Perkhidmatan Pemantauan Penasihat Akademik ke atas pencapaian pelajar-pelajar yang dipertanggungjawabkan secara keseluruhannya adalah baik namun terdapat beberapa kejadian terpencil dimana tindakan-tindakan yang diambil oleh Penasihat Akademik dalam membantu peningkatan pelajar yang bermasalah tidak direkodkan dengan jelas. (FS, ASPER)	
7.6	Kawalan Peralatan Pemantauan dan Pengukuran Pemahaman terhadap keperluan tentukuran/verifikasi yang dilaksanakan secara dalaman perlu dipertingkatkan kerana didapati masih terdapat pelaksanaan verifikasi dalaman yang tidak disokong oleh prosedur/arahan kerja yang spesifik. (berkaitan dengan klausa 6.2) (FS)	
6.3	Infrastruktur/Prasarana Kemudahan Pancuran Kecemasan(<i>Emergency Shower</i>) telah disediakan di makmal-makmal kimia berkaitan namun terdapat kes terpencil di mana pancuran (<i>shower</i>) tersebut tidak berfungsi. (FS)	

Juruaudit : Suri Yati Amran 

Tarikh: 17/05/2013

PELUANG PENAMBAHBAIKAN		
Klausa	Butiran	Komen terhadap tindakan yang telah diambil
	<u>Hal Ehwal Pelajar</u> 7.5.5 - Senarai peralatan rekreasi dan teknikal masih belum direkodkan sepenuhnya. <u>Pengurusan Zakat</u> 7.5.1 - Pihak pengurusan zakat masih belum mengikut sepenuhnya tatacara yang telah ditetapkan oleh pihak Lembaga Zakat Selangor. Ini kerana terdapat pengiraan zakat bagi pemotongan gaji yang hanya menggunakan dua kaedah sahaja dan bukan tiga kaedah seperti yang telah ditetapkan oleh Lembaga Zakat Selangor termasuk pengukurun objektif kualiti. - Buku resit sementara yang belum ditanda batal atau dalam proses. - Mesin timbang emas masih belum dibekalkan. - Cara siasatan yang perlu dilakukan masih belum ditetapkan. Bagi agihan zakat kepada kakitangan UPM. <u>Pusat Islam</u> 8.5.2 Tindakan yang dilaksanakan bagi peluang penambahbaikan yang telah dikeluarkan oleh pihak Sirim QAS bertarikh 22.6.2012 masih belum dilaksanakan sepenuhnya. <u>Fakulti Ekonomi dan Pengurusan</u> 8.2.3 Pemantauan ke atas kehadiran pelajar iaitu 100% ketika Latihan Industri masih belum ditentukan kaedahnya. <u>Institut Pertanian Tropika</u> 7.5.1 Pengrekodan bagi inventori peralatan di makmal masih belum dilaksanakan sepenuhnya. Contoh : Makmal Molekular Tanaman Makanan Blok B Bahan Kimia, Tris – HCL & Coomassie Blue	

Juruaudit : Mohd Shazwan Ariff bin Mohamad Kashim

Tarikh: 17 Mei 2013

